

'Proses pembelajaran sepanjang hayat'

Seri Paduka mahu graduan terus timba ilmu hadapi saingan dunia pekerjaan, bijak atur hidup

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

SHAH ALAM: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin mahu graduan terus menimba ilmu walaupun sudah menamatkan pembelajaran di universiti bagi menghadapi saingan hebat termasuk peluang mendapatkan pekerjaan sesuai.

Titah baginda, mereka tidak seharusnya menganggap proses menimba ilmu sudah berakhir sebaik tamat atau selepas menerima ijazah, sebaliknya perlu berusaha untuk terus belajar.

"Pada masa ini, persaingan sebagai graduan sangat hebat. Graduan seharusnya tidak menganggap proses pembelajaran di universiti berakhir begitu saja, sebaliknya perlu berusaha menjadikan pembelajaran sebagai tugas yang perlu dilaksanakan selagi hayat masih ada," titah baginda.

Baginda bertitah demikian selepas menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana kepada 399 graduan dari 15 fakulti pada hari pertama Konvokesyen ke-66 UiTM di Dewan Sri Budiman, di sini, semalam. Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Ini kali pertama Tuanku Mizan selaku Canselor UiTM menyampaikan ijazah kepada graduan universiti itu selepas dilantik Yang di-Pertuan Agong pada Disember tahun lalu.

Seramai 10,758 graduan menerima ijazah dan diploma pada konvokesyen kali ini membabitkan 13 sidang bermula semalam dan berakhir 1 Julai.

Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang, manakala Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Tan Sri Muhammad Ali Hashim dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan.

FAKTA NOMBOR

Konvokesyen ke-66 UiTM

10,758

Graduan terima ijazah, diploma

13

Sidang

Tuanku Mizan juga menasihatkan graduan supaya bijak mengatur hidup selepas tamat pengajian dan bersemangat waja untuk memastikan bangsa Melayu dan Bumiputera mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain.

"Beta yakin UiTM berjaya dan terus cemerlang untuk menggemblakan ramai insan yang sebelum ini kelihatan lemah dan tidak bermaya walaupun dilahirkan di tanah air sendiri," titah baginda.

Baginda bertitah, graduan masa kini sepatutnya bersyukur kerana kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk bantuan kewangan dan peralatan untuk memastikan mereka dapat belajar dengan selesa.

Titah baginda, graduan masa kini bernasib baik dan beruntung berbanding masa lalu yang terpaksa menempuh banyak kesusahan untuk berjaya dalam pelajaran.

"Graduan pada masa lalu berbeza dengan graduan hari ini yang dilimpahi pelbagai kemudahan untuk memudahkan mereka belajar. Oleh itu, semangat pembelajaran sepanjang hayat harus dititikberatkan bagi memajukan diri dan mencapai kecemerlangan," titah baginda.



TERIMA PENGHORMATAN: Tuanku Mizan berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Ahmad Fairuz (kiri) pada Konvokesyen UiTM ke-66 di Dewan Sri Budiman, di Shah Alam, semalam.